



KLASIFIKASI PERKHIDMATAN DI MAJLIS PERBANDARAN PENERANG

SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEWANGAN	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK	
GRED	:	W5	
KEKOSONGAN	:	3 (TIGA)	
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
		RM1,650.00	RM6,620.00

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN, W5

- Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,731.00); atau
 - Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,731.00); atau

- (iii) Diploma Pengurusan Harta Tanah dalam bidang Pengurusan Harta Benda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5: RM1,974.00).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

LATIHAN

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

5. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PEMBERIAN ELAUN DAN
KEMUDAHAN**

6. (a) Imbuhan Tetap Perumahan
(b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
(c) Bantuan Sara Hidup

**PENAKLUKAN DI BAWAH
SYARAT-SYARAT
SKIM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

FUNGSI BIDANG TUGAS

8. Melaksanakan kerja-kerja berkaitan Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) dengan memastikan skim strata diurus dan ditadbir mengikut peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 dan Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318). Menguruskan permohonan Pemfailan Jadual Petak bagi bangunan

berstrata, permohonan Sijil Perakuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC). Menyediakan Senarai Nilai bagi semua pegangan bercukai di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Pengerang. Menjalankan kerja-kerja penilaian termasuk kerja-kerja ukur periksa dan menganalisis data bagi tujuan penilaian dan penguatkuasaan cukai harta dan kutipan tunggakan cukai harta serta membantu dalam pengendalian kes saman pemula dan rayuan ke mahkamah.